

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KONVENSYEN BAHASA KEBANGSAAN ANJURAN BIRO KEBUDAYAAN
UMNO MALAYSIA

TEMPAT: 14 JUL 1986

TARIKH:

MASA:

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat En. Anwar Ibrahim,
Pengerusi Biro Kebudayaan UMNO;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya berterima kasih kepada Biro Kebudayaan UMNO kerana memberi kesempatan untuk saya berucap dan seterusnya merasmikan Konvensyen Bahasa Kebangsaan ini.

Para hadirin sekalian,

2. Sudah hampir 29 tahun kita merdeka; selama itu jugalah bahasa yang berasaskan kepada Bahasa Melayu tegak berdiri sebagai Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Akta yang digubal telahpun dilaksanakan berhubung dengan kedua-dua fungsi bahasa Malaysia - iaitu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

3. Dalam perancangan bahasa bagi negara kita, kita mempunyai model yang tersendiri yang kita tidak tiru daripada mana-mana negara. Model ini kita bina dan perembangkan dari dalam, yakni berdasarkan keadaan etnik kebahasaan yang mencirikan alam kita, berdasarkan proses-proses sejarah yang kita lalui dalam usaha mencapai kemerdekaan, dan juga berdasarkan cita-cita kita untuk terus hidup sebagai bangsa yang maju lagiberdaulat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Berdasarkan itu semua, kita merasakan perlu untuk memberi takrif kita sendiri kepada apa yang kita maksudkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Kebanyakan negara di dunia, bahkan beberapa negara jiran kita, tidak mengadakan pembezaan fungsi bahasa seperti yang kita lakukan itu, kerana pembezaan yang seperti itu tidak diperlukan oleh mereka. Bagi mereka, apa yang mereka namakan "bahasa kebangsaan" itu sudah cukup untuk menjalankan dua fungsi yang disebutkan tadi, bahkan untuk fungsi-fungsi yang lain juga.

5. Di Semenanjung Malaysia, perbezaan dua fungsi itu jelas dan nyata sehingga tahun 1967, apabila bahasa yang berasaskan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal;

tidak lagi sebagai salah satu bahasa rasmi di samping bahasa Inggeris. Semenjak tarikh itu dua fungsi sudah bercantum menjadi satu.

6. Percantuman dua fungsi berlaku agak lambat sedikit di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, alhamdulillah, seluruh Malaysia sekarang ini mempunyai satu bahasa rasmi yang tunggal, yang juga merupakan bahasa kebangsaannya, iaitu Bahasa Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Perhimpunan raksasa untuk memperkatakan isu-isu bahasa, jarang kita dengar dalam sepuluh atau lima belas tahun kebelakangan ini. Yang kita dengar hanya persidangan-persidangan ilmiah atau separuh ilmiah yang dikelolakan oleh ahli-ahli bahasa dan para penulis.

8. Hari ini sungguh istimewa, kerana perhimpunan ini digerakkan oleh orang-orang politik. Perjuangan memaktubkan bahasa yang diasaskan daripada Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal dalam Perlembagaan Malaysia, adalah perjuangan politik.

9. Muktamad tersebut sudah tercapai dengan adanya Akta Bahasa. Kejayaan itu disambut dengan pelaksanaan Akta tersebut oleh ahli-ahli masyarakat yang lain -- penulis, guru, ahli akademik, pentadbir dan lain-lain lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Izinkan saya bercakap sedikit di sini tentang persepsi saya terhadap bahasa di zaman moden ini. Yang pertamanya, tidak ada lagi dalam dunia ini bahasa yang terkecuali atau bersih daripada pengaruh bahasa-bahasa asing. Perkembangan ilmu dan perkembangan pesat dalam bidang komunikasi, termasuk perjalanan dari satu tempat ke satu tempat yang lain telah menyebabkan saling penerapan berbagai bahasa ke dalam semua bahasa lain sehingga tidak ada satu bahasa yang terkenal yang bersih daripada perkataan-perkataan asing. Dengan ini kita tidak lagi perlu keaslian untuk mentakrifkan sesuatu bahasa sebagai bahasa kebangsaan.

11. Bahasa yang kita kenali sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia bermula dengan Bahasa Melayu. Tetapi semasa Bahasa Melayu ini ditentukan sebagai Bahasa Kebangsaan, ia sudahpun menyerap bahasa-bahasa Arab, Parsi, Sanskrit, Portugis, Inggeris serta juga beberapa bahasa atau dialek yang dituturkan di gugusan Pulau-Pulau Melayu. Dengan perkataan lain, Bahasa Melayu tulen atau asli daripada segi perkamusannya sudah tidak wujud di waktu kita bersetuju mengadakan Bahasa Kebangsaan Malaysia.

12. Di samping itu pula, Bahasa Melayu harian yang digunakan di negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak, berbeza antara satu sama lain. Demikianlah berbezanya bahasa tempatan ini sehingga diceritakan bahawa seorang

hakim yang berasal dari Kedah terpaksa menggunakan jurubahasa untuk memahami bahasa pihak yang dituduh yang berasal dari Kelantan.

13. Apabila Bahasa Kebangsaan ditentukan, ia dengan segera menyerap perkataan dan loghat yang baru yang diciptakan oleh pakar-pakar bahasa. Di waktu yang sama, orang awam, akhbar dan penulis juga mencipta dan menggunakan istilah-istilah baru ciptaan mereka. Tidak cukup dengan itu, kita cuba menyelaraskan Bahasa Malaysia dengan Bahasa Indonesia.

14. Kesan daripada semua usaha ini ialah Bahasa Malaysia bukan sahaja terasing daripada bahasa-bahasa lain-lain keturunan di Malaysia, tetapi juga berbeza daripada Bahasa Melayu asal sendiri. Apa yang kita iktiraf sebagai Bahasa Kebangsaan bukan lagi Bahasa Melayu, tetapi adalah benar-benar Bahasa Malaysia, satu bahasa yang baru dan moden yang boleh menerima cabaran perkembangan pengetahuan semasa. Penguasaan dan penggunaannya dalam kehidupan harian, sama ada rasmi atau tidak rasmi, tidak menjadikan seseorang itu orang Melayu. Ia hanya menentukan seseorang itu adalah 'Malaysian'.

15. Penerimaan Bahasa Kebangsaan oleh kaum-kaum di Malaysia tidak akan menukarkan bangsa kaum itu. Sepertimana Kerajaan tidak melarang kegunaan loghat Kelantan atau Sarawak atau lain-lain, Kerajaan juga tidak melarang penggunaan bahasa ibunda kaum-kaum di Malaysia. Sikap Kerajaan Malaysia amatlah liberal dan Bahasa Kebangsaan tidak harus menjadi kontroversi lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Seperkara yang memerlukan perhatian dalam usaha mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia ialah sikap dan tabiat para pengguna Bahasa Malaysia, terutamanya orang-orang Melayu. Apabila kita mendengar orang bukan Melayu menggunakan Bahasa Malaysia, kita kerap kali mengikut dan meniru loghat yang salah yang digunakannya. Kadang-kadang, kita seolah-olah tidak yakin orang lain boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Justeru itu, kita membalas percakapan mereka dalam Bahasa Inggeris. Inilah di antara sebabnya mengapa di Malaysia orang-orang asing jarang sekali faham Bahasa Malaysia walaupun mereka tinggal bertahun-tahun lamanya di sini; sementara orang-orang asing yang tinggal di Indonesia dengan mudahnya belajar Bahasa Indonesia.

17. Kadang-kadang pula, masih ada di antara orang-orang kita yang gelihati mendengar kesalahan yang dibuat oleh orang-orang bukan Melayu apabila bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. Tabiat ini mengurangkan minat orang lain menggunakan Bahasa Kebangsaan. Jika orang Inggeris ketawa mendengar kesilapan orang lain apabila bercakap dalam Bahasa Inggeris, hari ini Bahasa Inggeris tidak mungkin jadi bahasa dunia.

18. Memang benar bahawa ada pihak yang sengaja tidak suka

menggunakan Bahasa Kebangsaan. Tetapi hakikatnya ialah Bahasa Kebangsaan sudah berkembang luas di Malaysia dan penggunaannya sebagai bahasa ilmu tidak boleh dipertikaikan lagi. Jika keluasan penggunaannya masih tidak memuaskan, selain daripada sebab-sebab yang telah saya sebutkan tadi, satu lagi faktor ialah orang-orang yang menggunakan Bahasa Kebangsaan masih berkurangan dalam berbagai bidang ilmu yang terdapat sekarang.

19. Sekarang ini yang diperlukan bukan lagi galakan dan kempen. Yang diperlukan ialah kefahaman bagaimana sesuatu bahasa secara semulajadi membangun dan berkembang dan bagaimana proses ini dapat dibantu oleh semua pihak. Penekanan patut ditumpukan kepada pembangunan bangsa yang menggunakan Bahasa Malaysia. Kemajuan bangsa itu dengan sendirinya akan memajukan Bahasa Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

20. Ketika ini, kita tidak bersusah payah menarik orang-orang di negara asing belajar bahasa kita, seperti halnya mereka belajar bahasa Inggeris, Perancis atau Arab. Jika kita mempunyai cita-cita untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa antarabangsa, itu adalah cita-cita yang sungguh baik. Tetapi, terlebih dahulu, eloklah kita memperbaiki keadaan dalam rumahtangga kita sendiri. Kukuhkanlah dahulu kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu di negara kita. Perkayakanlah kepustakaan bahasa kita dengan ilmu-ilmu daripada berbagai bidang kehidupan.

21. Kita tidak seharusnya bergantung kepada hasil terjemahan semata-mata. Walaupun terjemahan itu baik untuk memperkayakan ilmu dalam bahasa kita, cerdik-pandai kita sendiri hendaklah membuktikan kemampuan mereka menghasilkan karya-karya mereka sendiri. Dengan cara ini, mereka akan mewujudkan keyakinan orang terhadap kemampuan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu.

22. Dalam usaha mencapai matlamat mendaulatkan Bahasa Malaysia, kita janganlah menanam sikap yang negatif di kalangan rakyat kita terhadap penguasaan bahasa-bahasa lain, terutama sekali bahasa dunia, seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Arab dan lain-lain. Penguasaan bahasa asing itu akan memperkayakan ilmu yang ada di dada kita dan membuka mata kita kepada alam yang lain daripada alam kita. Selain daripada itu, orang-orang tertentu di kalangan orang Melayu hendaklah juga mempelajari bahasa kaum-kaum lain di Malaysia ini, seperti bahasa Cina dan bahasa Tamil untuk memahami kebudayaan dan saikologi mereka. Dengan itu, kemungkinan berlakunya perbuatan-perbuatan yang menyinggung perasaan kaum dapat dihindar dan sebaliknya kefahaman ditingkatkan.

23. Selain daripada memperkayakan ilmu, pembelajaran bahasa yang lain daripada bahasa kita itu memberi pengalaman yang baru kepada kita daripada segi proses pembelajaran atau

'learning process'. Ini membantu dalam mempertajamkan daya pemikiran kita yang sangat berguna dan mempertingkatkan kecekapan kita menjalankan tugas harian.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

24. Saya harap Konvensyen Bahasa Kebangsaan ini dapat meneliti dan membahaskan dengan hati terbuka segala isu yang berhubung dengan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan. Saya juga berharap bahawa apa sahaja usul yang akan dikemukakan, ianya akan memberi manfaat kepada kita semua.

25. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Bahasa Kebangsaan ini.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.